



---

**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SERI KONG CHO HA  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**SEMPENA UPACARA PECAH TANAH DEPOH EMU KTMB  
SEREMBAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
PADA 21 JUN 2012 (KHAMIS)**

**JAM 9.00 PAGI**

---

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Siow Chen Pin  
Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kampung Baru dan  
Pengangkutan Awam Negeri Sembilan.

Y.Bhg. Tan Sri Abdul Halim Ali, Pengerusi IJM Corporation Berhad.

Y.Bhg. Dato' Yap Kin Sian  
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Kementerian Pengangkutan  
Malaysia

Yang dihormati Puan Ruhaizah bte Mohamed Rashid  
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan), Kementerian Pengangkutan  
Malaysia

Yang dihormati Encik Abdul Kadir bin Abd Latiff  
Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi, Kementerian  
Pengangkutan.

Yang Berbahagia Datuk Elias Kadir, Presiden, Keretapi Tanah Melayu  
Berhad.

Yang dihormati ketua-ketua jabatan persekutuan dan negeri

Yang dihormati pemimpin-pemimpin parti MCA Bahagian dan cawangan serta pemimpin-pemimpin masyarakat setempat.

Y.Bhg.Datuk-Datuk,tuan-tuan dan puan-puan serta rakan-rakan media yang dihormati sekalian.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Sebelum saya meneruskan ucapan, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Unit NKRA Kementerian Pengangkutan, Perbadanan Aset Keretapi (PAK), KTMB serta IJM kerana menjemput saya bagi menyempurnakan upacara pecah tanah pembinaan depoh EMU KTMB Seremban ini. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat bagi menjayakan majlis pada pagi ini.

Adalah menjadi matlamat utama Kerajaan Barisan Nasional untuk memberi kemudahan kepada masyarakat. Justeru itu seperti Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum kerajaan telah melaksanakan inisiatif-inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Salah satu daripada inisiatif tersebut adalah untuk Pengangkutan Awam Bandar. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah membuat perolehan sebanyak 38 set Electrical Multiple Unit (EMU) atau MyKomuter untuk tujuan ini.

Perolehan MyKomuter ini merupakan salah satu daripada inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan kapasiti perkhidmatan pengangkutan awam bandar dan pada masa yang sama meningkatkan kadar penggunaan pengangkutan awam di Lembah Klang kepada 25% menjelang penghujung tahun ini.

Sehingga kini, sebanyak 17 set MyKomuter baru telah beroperasi dimana secara keseluruhannya sebanyak 40 Set MyKomuter sedang beroperasi pada masa sekarang dan ia telah memberi perkhidmatan kepada kira-kira 100,000 orang penumpang setiap hari.

Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima, majoriti penumpang MyKomuter amat berpuas hati dengan penambahan kapasiti perkhidmatan KTM Komuter yang secara langsung telah meningkatkan keselesaan dan kepercayaan pengguna terhadap pengangkutan awam bandar khususnya pengangkutan rel MyKomuter.

Hadirin yang dihormati,

Perolehan MyKomuter yang moden ini tidak cukup hanya sekadar perolehan semata-mata. Ia mestilah disokong dengan penyelenggaraan yang berkualiti tinggi bagi memastikan perkhidmatan MyKomuter sentiasa mencapai tahap kualiti yang ditetapkan serta menepati kehendak pengguna. Kerajaan sentiasa menekankan supaya syarikat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) mengamalkan '**budaya penyelenggaraan kelas pertama**' ke atas semua kelengkapan perkhidmatan pengangkutan awam di bawah kawalannya.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan perolehan sebanyak 38 set MyKomuter yang terbaru ini, Kerajaan telah bersetuju supaya satu depoh penyelenggaraan khas dibina di Stesen MyKomuter Seremban.

Depoh penyelenggaraan MyKomuter di Seremban merupakan depoh MyKomuter terbaru yang secara khusus menjalankan penyelenggaraan ke atas 38 set tren MyKomuter yang terbaru ini.

Depoh yang terletak di kawasan seluas 40.38 ekar ini adalah antara lain melibatkan pembinaan bangunan depoh EMU, *satellite store, cleaner store, train wash, 15 lines (6km each) of trackwork, train electrification, signalling dan peralatan depoh*. Secara keseluruhannya, depoh MyKomuter Seremban yang dibina ini adalah berdasarkan depoh keretapi di Northampton, England. Depoh ini berkemampuan untuk membuat penyelenggaraan 6 set MyKomuter dan penyimpanan (stabling) 19 set MyKomuter pada satu-satu masa.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Kerajaan telah melantik syarikat IJM Construction Sdn Bhd untuk membina kemudahan depoh MyKomuter Seremban ini melalui proses tender terbuka. IJM Construction dikehendaki untuk menyiapkan kemudahan depoh MyKomuter Seremban dalam tempoh 18 bulan iaitu pada penghujung September 2013 dengan kos keseluruhan sebanyak RM119.64 juta.

Saya percaya dengan pengalaman dan kepakaran pihak IJM Construction dalam menjayakan projek-projek pengangkutan rel sebelum ini, projek pembinaan kemudahan depoh MyKomuter Seremban ini akan dapat disiapkan dengan jayanya mengikut pelan yang telah ditetapkan. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua

pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada pagi ini. Harapan saya semoga semua pihak yang terlibat akan memberikan kerjasama serta sokongan padu dan erat dalam menjayakan satu lagi projek Program Transformasi Kerajaan (GTP) NKRA ini.

Sekian terima kasih.